

STRATEGI PENGAJARAN MANTIK DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SEKITAR LEMBAH KLANG

(Teaching Strategies for Mantiq at Higher Educational Institutions in Klang Valley)

***Nazneen Ismail, Nurhanisah Senin, Sahlawati Abu Bakar**

Submitted: 30-Aug-2022
Accepted: 01-Sep-2022
Revised: 20-Oct-2022
Published: 20-Dec-2022

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: nazneen@kuis.edu.my

Abstrak

Ilmu mantik merupakan ilmu yang membahaskan kaedah berfikir secara benar bagi seorang manusia. Ilmu ini merupakan mukadimah kepada semua disiplin ilmu kerana setiap ilmu terbina di atas premis yang benar bagi mendapatkan kesimpulan yang benar. Dalam sejarah Islam, ilmu ini banyak digunakan dalam bidang ilmu Kalam dan usul fiqh. Ini kerana kedua-dua ilmu ini memerlukan penggunaan akal dalam membuat pertimbangan berdasarkan nas syarak. Hari ini, ilmu mantik masih diajarkan di sekolah-sekolah dan juga universiti khususnya bagi pelajar jurusan Usuluddin. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pengajaran yang digunakan oleh para pensyarah mantik di universiti. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Sampel kajian diambil daripada tiga buah universiti yang menawarkan kursus mantik sekitar Lembah Klang. Tiga orang peserta kajian dipilih dalam kalangan para pensyarah kursus mantik pada tahun semasa. Temubual separa berstruktur telah dijalankan secara atas talian bagi mendapatkan data. Dapatan temubual kemudiannya dianalisis secara analisis tematik. Hasil kajian dibincangkan berdasarkan enam aspek iaitu objektif dan hasil pengajaran, silibus pengajian, strategi yang digunakan, penggunaan bahan bantu mengajar, maklum balas pelajar dan kaedah penilaian yang dijalankan. Rumusan kajian ini ialah para pensyarah mempunyai matlamat pembelajaran yang sama dengan kepelbagaian strategi diaplikasikan bagi memastikan matlamat tercapai. Walaupun begitu, kajian ini mencadangkan agar para pensyarah memanfaatkan juga teknologi dan gajet untuk memperkasakan lagi strategi pengajaran sedia ada. Para pelajar juga perlu terus didorong untuk mengaplikasikan kaedah mantik khususnya *qiyas* melalui pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah. Kajian ini boleh menjadi titik tolak kepada pembentukan model pengajian mantik dengan penggunaan teknologi supaya sesuai dengan keperluan semasa.

Kata kunci: ilmu mantik, kaedah pengajaran, penggunaan *qiyas*, kemahiran berfikir

Abstract

Mantiq (Logic) is a knowledge that expounds the correct method of thinking for man. This knowledge is a preamble to all disciplines as every knowledge is built on the true premises to obtain true conclusion. In the history of Islam, this knowledge is widely used in the field of 'Ilm al-Kalam and Usul al-Fiqh. This is because both disciplines require the use of common sense in making judgments based on Islamic evidence. Today, mantiq is still taught in schools and universities, especially for Usuluddin students. The study was conducted to identify the teaching strategies employed by lecturers teaching mantiq at universities. This study is a qualitative study with a case study design. Samples were taken from three universities in Klang Valley offering mantiq courses. Three lecturers in mantiq for the current year were chosen as research informants. Semi-structured interviews were conducted online to obtain data. The interview findings were then analyzed through thematic

analysis. The results of the study were discussed based on six aspects, namely objectives and outcomes of teaching, syllabus of studies, teaching strategies, the use of teaching aids, students' feedbacks and assessment methods that were carried out. In conclusion, this study implies that the lecturers have the same learning goals as various strategies applied to ensure that the goals are achieved. Nevertheless, this study suggests that lecturers should also take advantage of technology and gadgets to further strengthen existing teaching strategies. Students should also be encouraged to apply mantiq methods, especially qiyas through problem-solving-based learning. This serves as the base in exploring new technology-based model for enhancing learning and teaching approach of mantiq.

Keywords: *logic, teaching strategies, qiyas application, thinking skills*

1.0 PENGENALAN

Ilmu mantik merupakan asas kepada ilmu akhlah seperti ilmu sains tabii, ilmu ketuhanan serta ilmu pengajaran seperti matematik, kejuruteraan dan seumpamanya. Kalimah mantik dari segi bahasa bermaksud berkata-kata (kalam). Dinamakan juga sebagai ilmu analisis kerana melaluinya buah fikiran yang benar dapat dihubungkan dengan kata-kata yang benar melalui penyampaian yang bernas dan jelas. Ilmu ini juga membolehkan manusia memperbetulkan pandangan dan keputusan sehingga ia dinamakan sebagai ilm al-mizan (ilmu pertimbangan). Malah, atas keutamaan ilmu ini al-Farabi menobatkannya sebagai ketua segala ilmu. Manakala dari segi istilah, ilmu mantik bermaksud alat atau instrumen sistematik yang memelihara akal seseorang daripada kesalahan dalam berfikir (al-Akhdari, 2000).

Apabila membicarakan sejarah ilmu ini, kita tidak dapat lari daripada menyatakan bahawa Socrates merupakan pelopor bagi ilmu mantik ketika beliau berhadapan dengan pemikiran Sufasta'iyun yang menyeleweng dan menyesatkan masyarakat. Perkaedahan mantik digunakan oleh Socrates untuk mematahkan hujah Sufasta'iyun dan menzahirkan kesesatan mereka. Usaha ini kemudiannya diteruskan oleh pelajarnya, Plato dan akhirnya disusun serta dikemaskini oleh Aristotle (al-Akhdari, 2000). Aristotle berperanan besar dalam menyusun kaedah-kaedah mantik secara sistematik serta menyempurnakannya menjadi satu bidang ilmu (Muhammad Nuruddin, 2019). Dalam konteks pemikiran metodologi ini, Aristotle dikira sebagai tokoh pemikir awal metodologi kajian ilmiah yang berjaya mempengaruhi ramai para ulama Islam (Mohd Fauzi, 2000a). Karyanya dalam bidang mantik telah diterjemah ke dalam bahasa Arab dan menjadi asas kepada perkembangan ilmu dalam masyarakat Islam (Muhammad Nuruddin, 2019).

Antara tokoh yang memperjuangkan bidang ilmu ini ialah al-Ghazali. Beliau telah memanfaatkan ilmu ini dalam mengukuhkan lagi disiplin ilmu Islam seperti ilmu kalam, fiqh dan akidah di samping menjadikan mantik sebagai senjata berguna dalam membuat penilaian terhadap falsafah Yunani. Kitab al-Mustasfa min 'ilm al-Usul merupakan salah satu sumbangannya dalam bidang pemikiran Islam yang telah mensintesis mantik dengan perbahasan ilmu usul al-fiqh (Mohd Fauzi, 2000b). Melalui karya ini beliau meletakkan ilmu mantik sebagai muqaddimah bagi semua disiplin ilmu yang berbentuk teoritikal di samping ilmu fiqh. Pernyataan ini dipersetujui oleh tokoh-tokoh mantik lain yang menyatakan bahawa ilmu mantik adalah sebuah metodologi, alat, neraca atau pengantar bagi setiap ilmu (Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, 2020).

Selain al-Ghazali, Fakhr al-Din al-Razi juga merupakan salah seorang tokoh yang masyhur dalam bidang mantik. Beliau adalah tokoh pemikir Islam pertama yang tidak melihat mantik sebagai satu alat bagi ilmu seperti pegangan kebanyakan ahli falsafah. Sebaliknya, beliau menanggapi ilmu mantik sebagai satu ilmu yang khusus

dengan menggunakan pendekatan kajian yang dilakukan oleh al-Ghazali khususnya dalam mengaplikasikan kaedah mantik untuk menghuraikan disiplin ilmu Islam. Sumbangan al-Razi yang besar dalam bidang pemikiran Islam sebenarnya tidak hanya dilihat daripada aktiviti ilmiahnya dalam menghasilkan karya-karya mantik tulen, malah turut mengambil kira sumbangan besarnya memasukkan mantik dalam karya teologi seperti kitab al-Muhassal dan menggunakan manhaj mantik dalam karya usul al-fiqh yang bertajuk al-Mahsul (Mohd Fauzi, 2000b).

Ilmu mantik juga telah dimanfaatkan oleh al-Ghazali untuk mengemukakan hujah dan dalil dalam mempertahankan akidah Islamiyyah daripada serangan pemikiran asing dan menyeleweng. Atas asas hubungan langsung ilmu ini dengan akidah, maka ia telah dijadikan salah satu subjek bagi pengajian Usuluddin sehingga hari ini. Beberapa kajian lepas seperti Kamarudin (2000), Wan Nabilah (2015), Muhammad Rashidi et al. (2018) dan Siti Fadzilah dan Nazneen (2021) menunjukkan para pelajar dapat memahami dan menguasai ilmu mantik dengan baik. Meskipun begitu, keupayaan para pelajar untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian masih di tahap kurang memuaskan (Kamarudin 2000; Muhammad Rashidi et al. 2018).

Antara faktornya ialah kekurangan bahan rujukan dalam bahasa Melayu, sikap pelajar yang kurang berminat dengan mantik, pendekatan pensyarah yang kurang menarik minat dan seumpamanya (Muhammad Rashidi et al. 2018). Sedangkan ilmu ini sangat kritikal terutama dalam berhadapan dengan serangan pemikiran pada hari ini. Alias dan Rahimin Affandi (2010) berpandangan pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dengan pengajian Islam di Malaysia agak ketinggalan dalam merealisasikan pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan bidang pengajian lain. Pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam di pusat pengajian tinggi didapati masih mengikut cara pendidikan tradisional. Implikasi negatif daripada fenomena ini adalah melahirkan pemimpin yang lemah, berfikiran sempit serta hanya tahu menghafaz tetapi tidak pandai berfikir. Kesenambungan itu juga, sarjana yang bakal dilahirkan hanya akan bersifat pasif menerima pandangan tanpa bersikap kritikal, suka bertaqlid, tidak mampu berjihad serta tidak kreatif dan tidak mempunyai daya reka dan daya cipta. Meskipun begitu, penelitian Mazlan et al. (2013) menunjukkan bahawa silibus Pengajian Islam yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) bersifat kompetitif dan berupaya berhadapan dengan serangan pemikiran seperti Islam Liberal. Berdasarkan kajian lepas ini, boleh disimpulkan bahawa silibus yang baik dan komprehensif tidak memadai jika tidak disertakan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang semasa dan realistik. Tambahan pula, ilmu mantik yang menekankan kaedah dan tatacara berfikir perlu disampaikan kepada para pelajar sehingga mereka terdorong untuk berfikir secara aktif dan kritis.

Justeru, dalam usaha menambah baik pendekatan sedia ada dan menyelesaikan masalah daripada akarnya kajian berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan satu keperluan. Pelbagai aspek boleh diteliti seperti silibus (Mohd Fauzi, 2006), strategi pengajaran (Maria Chong, et al. 2011), keperluan penawaran kursus (Nor Ashiqeen et al., 2017), halatuju kurikulum (Yusni & Zainab, 2013) dan cabaran yang dihadapi (Badlihiyam & Rahimin Affandi, t.th). Bagi kajian ini, tumpuan diberikan kepada strategi para pensyarah dalam sesi pengajaran mantik di Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta mengetengahkan cadangan penambahbaikan pada masa akan datang.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Amalan pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu perkara yang harus dititikberatkan dengan sentiasa menyemak kembali silibus yang diajarkan dan menambah baik kaedah-kaedah yang digunakan supaya dapat memberi kesan yang baik kepada pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan mantik, pengkaji didapati mengambil serius kepada permasalahan berkaitan pengajaran mantik terhadap para pelajar.

Antaranya kajian Kamarudin (2000) bertajuk Ilmu mantik dan pengaplikasiannya: Kajian kes di Pahang. Kajian ini membincangkan cabaran yang dihadapi dalam pengajian ilmu mantik di Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap kefahaman pelajar terhadap ilmu mantik dari segi teori mahupun aplikasi. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat menguasai kefahaman ilmu mantik dari segi teori dengan baik, namun dari segi pengaplikasiannya berada pada tahap sederhana.

Manakala, kajian Wan Nabilah (2015) berkenaan persepsi mahasiswa Usuluddin terhadap kepentingan ilmu mantik menunjukkan mereka mempunyai persepsi positif di samping tahap pengetahuan yang tinggi terhadap ilmu ini. Kajian dengan tema yang sama juga dijalankan oleh Muhammad Rashidi, Mohd Faizul Azmi, Razali dan Mohd Hasrul (2018) dengan tajuk Tahap kefahaman dan pengamalan ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA. Kajian yang melibatkan 124 orang responden dalam kalangan mahasiswa Usuluddin UniSZA ini mendapati tahap pemahaman pelajar terhadap ilmu mantik adalah tinggi manakala tahap pengamalannya rendah.

Dapatan kajian ini tidak berbeza dengan kajian Siti Fadzilah dan Nazneen (2021) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia KUIS terhadap ilmu mantik berada pada tahap yang tinggi. Melihatkan dapatan dari segi kefahaman pelajar berdasarkan keempat-empat kajian ini, ia merupakan satu asas yang baik dalam penerapan ilmu mantik dalam diri pelajar tanpa menafikan ia tetap perlu kepada penambahbaikan.

Perhatian yang diberikan oleh para pengkaji ini merupakan kesinambungan daripada kesedaran terhadap kepentingan ilmu mantik dalam Islam. Perkara ini telah dibincangkan oleh Mohd Fauzi (1996) dalam penulisannya bertajuk Pengaruh mantik terhadap pemikiran Islam. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya pengaruh mantik yang tersendiri terhadap ilmu Islam lain khususnya ilmu usul al-fiqh dan ilmu kalam serta terhadap perkembangan pemikiran para pemikir Islam sendiri. Walaupun daripada satu sudut terdapat perselisihan dalam kalangan ilmuwan Islam tentang keharusan ilmu ini dalam disiplin Islam, ia tidak menafikan kedudukan ilmu mantik sebagai ilmu yang perlu dipelajari kerana hubungannya dengan ilmu Islam lain.

Perincian berkaitan polemik sekitar penerimaan ilmu mantik telah dihuraikan oleh Muhammad Rashidi dan Mohd Fauzi (2020). Pengkaji merumuskan punca perselisihan ini adalah disebabkan ada golongan yang menerima ilmu mantik, golongan yang menolaknya secara total dan golongan yang menyalahgunakannya. Setiap daripada bentuk respons ini mempunyai impak tersendiri dalam menentukan kedudukan ilmu mantik. Walaupun begitu, perselisihan ini tetap tidak menafikan sumbangan mantik dalam ilmu fikah, ilmu akidah dan ilmu kalam seperti yang telah dibuktikan oleh al-Ghazali.

Antara kajian yang menghuraikan pendekatan al-Ghazali dalam menghubungkan mantik dengan ilmu usul fiqh ialah kajian Mohd Fauzi (2000). Kajian beliau bertajuk Penghasilan karya sintesis antara mantik dan usul al-fiqh: Rujukan kepada kitab al-Mustasfa min Ilmu al-Usul, karangan al-Imam al-Ghazali. Kajian ini memfokuskan sintesis antara usul al-fiqh sebagai satu disiplin ilmu berdasarkan

metodologi Imam al-Syafii dan logik (mantik) berdasarkan Aristotle. Hasil kajian menunjukkan al-Mustafa adalah sebuah karya ilmiah yang mensintesis secara harmonis antara mantik dan usul al-fiqh. Metodologi Aristotle dan al-Syafii membuktikan terdapat ruang pertemuan antara disiplin ilmu yang bersifat teoritis khususnya dalam persoalan yang tidak melibatkan prinsip-prinsip asas pegangan peradaban yang melahirkannya.

Para pengkaji juga telah membuktikan kepentingan mantik menurut al-Ghazali seperti yang dilakukan oleh Mohd Fauzi (2002) dan Ishak (2012). Kedua-dua kajian ini membincangkan kedudukan mantik terutamanya dalam pengetahuan atau kebijakan teori Islam daripada sudut pandangan al-Ghazali berdasarkan bukunya al-Mustafa min 'Ilm al-Usul. Dapatan kajian menunjukkan al-Ghazali cenderung kepada pandangan jumhur ulama yang menerima mantik sebagai alat intelektual dan mukadimah bagi ilmu pengetahuan serta relevan untuk digunakan dalam perbahasan ilmu-ilmu Islam yang bersifat teoritikal.

Selain al-Ghazali, terdapat ulama selepasnya yang sealiran dengan beliau dari segi penerimaan terhadap ilmu mantik seperti Syeikh Daud al-Fatani, seorang ulama nusantara. Usaha ulama ini ditonjolkan dalam kajian Faisal (2011) yang bertajuk Penggunaan hukum akal dan mantik dalam perbahasan akidah tauhid: Kajian kitab al-Durr al-Thamin oleh Syeikh Daud Al-Fatani. Pengkaji membincangkan cara pengaplikasian dua pendekatan utama iaitu hukum akal dan mantik dalam perbahasan akidah tauhid bercorak Sifat Dua Puluh melalui kitab tersebut. Dapatan kajian menunjukkan kaedah Syeikh Daud al-Fatani menggunakan hukum akal sebagai alat dalam perbahasan Sifat Dua Puluh secara rasional. Syeikh Daud juga mengaplikasikan kedua-dua jenis kaedah mantik hadd (definisi) dan burhan (pendalilan). Ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat Islam memahami akidah tauhid dengan tidak menyingkirkan pendekatan naqli (al-Quran dan hadis) untuk memperkuat hujah atau dalil secara seimbang.

Hubungan antara mantik dengan kaedah penyelidikan juga ditunjukkan oleh Shahir Akram dan Mohd Syahmir (2017) dalam kajian bertajuk Strategi penyelidikan Islam berdasarkan kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. Penulisan ini membincangkan kaedah-kaedah penaakulan dalam ilmu mantik serta strategi penyelidikan Islam berdasarkan kaedah-kaedah penaakulan ilmu mantik tersebut. Terdapat tiga kaedah penaakulan dalam ilmu mantik yang boleh digunakan sebagai strategi penyelidikan Islam iaitu istiqlal, qiyas dan tamthil. Analisis ini juga mendapati ketiga-tiga kaedah ini mampu membawa kepada ilmu pada tahap yaqin.

Tinjauan turut dilakukan terhadap kajian lepas yang berkaitan dengan peranan IPT dalam sistem pendidikan. Antaranya kajian Mohd Fauzi (2006) bertajuk Pengajian akidah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia: Analisis terhadap silibus pengajian di UM dan UKM. Kajian ini membincangkan silibus pengajian akidah yang terdapat dalam kurikulum pengajian tinggi di universiti-universiti awam Malaysia yang menawarkan pengajian dalam bidang tersebut. Pengkaji telah membandingkan silibus pengajian akidah di peringkat Ijazah Pertama yang ditawarkan oleh dua buah universiti awam terpilih di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dapatan menunjukkan silibus dari segi teori yang diajarkan di UM dan UKM adalah menepati matlamat tujuan utama pengajian akidah, namun dari aspek praktikal atau aplikasi akidah dalam kehidupan perlu dimantapkan lagi.

Melihat kepada keperluan pelajar aliran agama berinteraksi dalam masyarakat secara relevan, Alias dan Rahimin Affandi (2010) menjalankan kajian yang menilai elemen pemikiran saintifik dalam pengajian syariah melalui kajian bertajuk Aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian syariah. Kajian ini menegaskan keperluan elemen pemikiran saintifik digunakan dalam pengajian

Syariah supaya dapat memenuhi keperluan semasa sesuai dengan perkembangan pengetahuan dan teknologi. Penelitian terhadap metodologi dan pedagogi yang diajarkan dalam bidang pengajian Syariah telah dilakukan. Pengkaji turut menjelaskan kepentingan elemen pemikiran saintifik diaplikasikan dalam pengajian tersebut. Tujuannya untuk melahirkan pelajar yang berfikiran terbuka, rasional, berhati-hati dan objektif dengan memberikan mereka kekuatan formula dan analisis untuk meningkatkan kemampuan ijtihad.

Selain daripada kekuatan pemikiran, pembentukan keperibadian pelajar turut diberikan perhatian. Kajian Ruzman, Rahimin Affandi, Muhammad Kamil, Abdul Karim, Nor Adina, Syed Mohd Jeffri dan Norhidayah (2014) yang bertajuk Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis membincangkan cara untuk menjadikan pelajar pengajian Islam sebagai modal insan yang kompeten dan bertanggungjawab bagi keperluan pasaran. Sehubungan itu, usaha yang dilakukan oleh pihak IPT dalam memantapkan sistem kurikulum dengan melakukan transformasi seperti membuat rombakan struktur subjek serta perubahan dalam pedagogi dilihat memberi impak yang besar. Kajian ini mendapati tugas untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran serta mempunyai jati diri yang kukuh adalah sewajarnya dipikul oleh pihak IPT.

Berdasarkan kajian literatur yang lepas, didapati bahawa kajian-kajian lebih tertumpu kepada penguasaan ilmu mantik, kedudukan ilmu mantik, penaakulan ilmu mantik, hubungan ilmu mantik dengan ilmu lain serta kajian terhadap karya yang dikarang oleh pemikir-pemikir Islam. Pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap amalan pengajaran ilmu mantik belum diketengahkan lagi. Justeru, fokus kajian ini lebih tertumpu kepada strategi pengajaran ilmu mantik yang diamalkan di IPT. Ini kerana keberkesanan pengajaran merupakan salah satu penyumbang besar kepada kefahaman pelajar terhadap ilmu yang dipelajari.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif dengan rekabentuk kajian kes. Tujuannya untuk menjelaskan subjek kajian dan bukan untuk dijadikan sebagai andaian awal bagi subjek yang tidak dikaji. Dapatan kajian juga terhad berdasarkan definisi subjek terhadap situasi yang dilalui semata-mata (J. Katz, 2001). Bagi penentuan sampel, kaedah pensampelan bertujuan telah dipilih. Penentuan lokasi ditentukan terlebih dahulu iaitu Lembah Klang atas faktor mudah dicapai (reachable) di samping faktor kos dan norma baharu. Setelah itu, IPTA yang menawarkan kursus mantik dikenal pasti dan didapati terdapat tiga buah IPTA yang sesuai dijadikan sampel kajian.

Data diperolehi melalui temubual separa berstruktur yang dijalankan terhadap para pensyarah yang mengajar mantik pada tahun semasa sebagai peserta kajian. Tema soalan dibangunkan berdasarkan penetapan hasil pembelajaran, strategi pengajaran, bahan bantu mengajar, maklum balas pelajar dan kaedah penilaian. Kesemua soalan ini melalui kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Pemilihan informan dilakukan berdasarkan ciri mereka yang memiliki maklumat pertama (first-hand knowledge) berkenaan tajuk kajian. Temubual yang dijalankan adalah separa berstruktur berpandukan isu yang dibincangkan. Melalui temubual bentuk ini, idea dan maklumat dilontarkan secara bebas oleh informan di samping penyelidik juga bebas menanyakan soalan secara spontan serta mendalam. Pemilihan teknik ini dilakukan kerana ia sesuai dengan tujuan kajian iaitu mengajukan cadangan berkaitan penambahbaikan amalan pengajaran mantik di IPT (USAID 1996).

Selain itu, dokumen pengajaran mantik di universiti terbabit juga dijadikan sebagai sampel kajian. Perbandingan dilakukan berdasarkan daripada aspek latar

belakang kursus, isi kandungan silibus dan rujukan yang digunakan. Analisis dokumen ini kemudiannya ditriangulasikan dengan dapatan daripada temubual. Kesemua data kajian dianalisis menggunakan pendekatan bertema (thematic analysis). Analisis bertema merupakan kaedah yang digunakan untuk meneliti perspektif peserta kajian yang berbeza, mengetengahkan persamaan dan perbezaan serta menghasilkan pandangan yang tidak dijangka. Tema yang dikeluarkan oleh para penyelidik kemudiannya disemak oleh tiga orang pakar bagi membolehkan kebolehpercayaan diukur berdasarkan persetujuan pakar yang dilantik. Pengukuran dilakukan dengan berasaskan pengiraan pekali Cohen Kappa bagi mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema dan konstruk yang dikaji.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi menjawab objektif kajian, pengkaji telah membahagikan perbahasan kepada beberapa tema iaitu objektif dan hasil pengajaran kursus mantik, strategi pengajaran, bahan bantu mengajar, maklum balas pelajar dan kaedah penilaian. Tema-tema ini disusun seperti yang dicadangkan oleh Mohamad Muhaimin (2017).

4.1 Objektif dan Hasil Pengajaran Kursus Mantik

Aspek utama dalam penggubalan semua silibus pengajaran ialah objektif dan hasil pengajarannya. Para penggubal perlu mengetahui hala tuju dan apakah yang diharapkan daripada para pelajar dengan mempelajari satu-satu subjek. Ia juga berkait dengan mengetahui kepentingan ilmu terhadap diri para pelajar dan sejauh mana ia berperanan dalam mencorak pemikiran dan pengetahuan para pelajar sendiri. Bagi mantik, para peserta kajian berpandangan bahawa aspek terpenting yang ingin dicapai daripada pengajaran dan pembelajaran mantik adalah dari segi aplikasinya. Menurut R1, pengajaran ilmu mantik di universiti A tertumpu kepada aplikasi mantik dalam pengajian Islam secara khususnya dan dalam berhadapan dengan isu semasa secara amnya. Kata beliau, "*coursenya designnya lebih kurang lebih untuk macam mana praktik mantik, so dalam aplikasi Islamic studies*" (TB/R1/1/31), "*Then I want the study has to be application, you have to be useful for the current situation*" (TB/R1/5/15).

Ini penting kerana beliau berpandangan pelajar perlu menyedari serta memahami bahawa Islam merupakan sebuah agama yang rasional. Setiap hukum yang terkandung di dalamnya mempunyai sebab dan musababnya. Menurut R1 lagi, "*Kita nak develop mental attitude yang agama ni bukan irrational, (dan) ada sebab musabab*" (TB/R1/9/15).

Pandangan ini dipersetujui oleh R3 yang menyatakan bahawa tujuan pengajaran mantik ialah untuk menunjukkan ia digunakan dan wujud dalam semua disiplin ilmu Islam yang lain. Katanya, "*kita kena tunjukkan bahawasanya mantik boleh digunakan untuk membantu dia memahami karya-karya akidah dan juga ilmu kalam, akidah dan juga usul feqah*" (TB/R3/3/4). Justeru, dengan mempelajari kursus mantik ini pelajar diharapkan dapat memahami dan mengaplikasikan mantik sebagai asas kepada pemikiran kritis. Menurut R2, "*logik sebagai pendahuluan kepada pemikiran kritis*" (TB/R2/8/21).

Bagi pelajar jurusan Usuluddin, perbahasan akidah merupakan subjek utama dalam pengajian mereka. Berhubung dengan akidah, terdapat dua bentuk dalil yang diperlukan iaitu dalil 'aqli dan naqli. Dalil naqli merujuk kepada nas-nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW, manakala dalil 'aqli merujuk kepada penyusunan bukti-bukti yang diyakini oleh akal manusia. Pendalilan 'aqli berperanan untuk mengukuhkan lagi pendalilan naqli dalam mengisbatkan keyakinan akidah

(Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi & Mohd Faizul, 2018). Dalam akidah, konsep ketuhanan merupakan topik yang terbesar dan paling penting serta banyak menggunakan hujah mantik untuk mendapatkan dalil 'aqli. Para ulama akidah seperti Imam Abu Hasan al-Asy'ari didapati menggunakan pendalilan mantik al-qiyas secara meluas dalam perbahasan ketuhanan menerusi karya-karyanya. Kaedah ini diteruskan pula oleh para ulama Asya'irah selepas beliau dan telah diterima dengan baik oleh umat Islam sehingga ke hari ini kerana terbukti dapat mengukuhkan pegangan Ahli Sunnah wal Jama'ah (Muhammad Rashidi, 2019). Menggunakan mantik juga, para ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah telah mengambil langkah proaktif dalam usaha mentakwilkan ayat-ayat mutasyabihat. Ini dilakukan bagi menyelamatkan umat Islam daripada menyandarkan sifat makhluk kepada Allah SWT sekiranya ayat-ayat ini difahami secara zahir. Terdapat dua pendekatan digunakan iaitu sama ada takwil ijmalii iaitu pentakwilan secara umum, dengan menerima zahir ayat tanpa mengiktikadkan Allah SWT sama seperti makhluk dan pendekatan kedua dinamakan takwil tafsili yang mentakwilkan secara jelas maksud ayat mutasyabihat sehingga hilang kesamaran dan tidak menyamakan Allah SWT dengan makhluk (Syed Salim et al., 2018).

Aplikasi mantik yang sebegini boleh diterapkan dalam diri para pelajar melalui tenaga pengajar yang mempunyai pengetahuan pedagogi kandungan. Ini bermakna pensyarah mantik bukan sahaja terdiri daripada mereka yang menguasai kandungan kursus tetapi juga menguasai pedagogi pengajaran dengan baik. Dengan menguasai ilmu pengetahuan pedagogi kandungan, proses penyampaian ilmu dapat dilakukan dengan berkesan kepada para pelajar. Di samping itu, ilmu ini juga memastikan hasil pembelajaran dicapai dengan baik melalui perkembangan proses pengajaran yang dibentuk dengan kreatif dan teliti oleh pensyarah. Penggunaan strategi dan kaedah sesuai dapat membantu menyelesaikan permasalahan yang timbul secara sistematik (Ruslimi, Mohd Sani & Rosdi, 2019) serta memberi kesan terhadap kemajuan para pelajar dalam bidang pembelajaran (Khairatul Akmar, Ahmad Redzaudidin & Mohd Rofian, 2015).

4.2 Silibus Pengajian

Berhubung silibus pengajian, terdapat dua perkara yang diperhatikan iaitu pemilihan buku rujukan sebagai silibus dan pemurnian kursus. Pemilihan silibus perlu sesuai agar objektif dan hasil pembelajaran dapat dicapai. Antara keistimewaan di IPT, pemilihan silibus adalah terpulang kepada kebijaksanaan dan kreativiti para pensyarah kursus. Pensyarah juga akan menetapkan rujukan utama dan rujukan sampingan kepada para pelajar. Bagi R1, beliau memilih untuk menggunakan buku rujukan daripada barat (TB/R1/4/5). Bagi R3 pula, kitab al-Mursyid al-Salim digunakan sebagai rujukan utama para pelajarnya (TB/R3/1/27).

Manakala bagi R2, beliau menggunakan dua buku mantik karya ulama Islam iaitu Ashal al-Turuq fi al-Mantiq dan Isaghuji. Ia kerana beliau mendapati kedua-dua buku ini disampaikan dengan ringkas dan fokus kepada tajuk utama dalam mantik. Kata R2, "*saya banyak ambil ilham daripada Ashal al-Turuq*" (TB/R2/5/29), "*Isaghuji pun pendek, kalau kita cuba susun dalam tujuh minggu sahaja untuk baca teks macam tu*" (TB/R2/4/24).

Bagi tujuan penambahbaikan, R2 memaklumkan bahawa pemurnian telah dilakukan bagi kursus mantik sedia ada dengan keputusan untuk menawarkan subjek mantik secara khusus dan tidak digabungkan dengan pemikiran kritis dalam satu kursus seperti sebelum ini. Bagi kursus mantik baharu ini, mantik akan dikaitkan dengan ilmu kalam dengan menjadikan kitab Adab al-Bahthu wa al-Munazarah dan Jami' al-Azhar Mukhtasar Tawali' al-Anwar sebagai rujukan. Ini dinyatakan beliau, "*kaitkan dengan ilmu kalam sebab muqaddimah kepada ilmu kalam ialah Adab al-Bahthu wa al-Munazarah*" (TB/R2/14/25).

"Antara kitab yang menampakkan hubungan di antara ilmu mantik dengan ilmu kalam ni adalah ringkasan daripada kitab Jami' al-Azhar Mukhtasar Tawali' al-Anwar" (TB/R2/15/33).

R2 berpandangan pemurnian kursus begini penting kerana berdasarkan silibus sebelum ini, hubungan antara mantik dengan ilmu lain tidak begitu dapat ditunjukkan. Kata beliau,

"bila logik ni dia hanya belajar qiyas je. Istiqra' dia tak belajar. Istiqra', tamsil kalau dia belajar dia akan nampak lagi dengan usul fiqh, sebab usul fiqh akan nampak dalam tamsil tu, qiyas dalam feqah adalah tamsil dalam mantik" (TB/R2/14/4).

Selain daripada akidah, mantik juga digunakan dalam bidang ilmu lain seperti usul fiqh dan ilmu kalam atau usuluddin. Penggunaan mantik dalam usul fiqh mempunyai persamaan dengan ilmu mantik dari segi kedua-duanya menggunakan akal terutamanya dalam kaedah qiyas. Bezanya usul fiqh bermatlamatkan untuk mengetahui hukum berkaitan perbuatan hamba manakala mantik dalam usuluddin digunakan untuk menentukan hakikat ketuhanan dan kerasulan. (Syed Salim et al., 2018).

Secara keseluruhan, pemilihan silibus ditentukan berdasarkan cakupan topik yang ada dalam mantik, berdasarkan kepada pemberat yang dinyatakan dalam hasil pembelajaran kursus serta mengambil kira tempoh masa pengajian. Bagi universiti yang menawarkan kursus mantik selama 14 minggu, silibus yang dipilih dilihat lebih terperinci berbanding universiti yang menjalankan kursus ini selama 7 minggu kerana bakinya akan membincangkan tajuk berkaitan pemikiran kritis. Walaupun penentuan silibus dilakukan atas pertimbangan para pensyarah, namun keberkesanannya boleh dilihat berdasarkan beberapa perkara seperti tindakan pelajar mempraktikkan pengalaman yang diperolehi setelah selesai proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan silibus juga boleh diukur melalui peningkatan prestasi dan pencapaian mahasiswa dalam pembelajaran. Justeru, elemen-elemen yang terdapat dalam silibus perlu diberikan perhatian bagi memastikan ia digunakan sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai hasil pembelajaran (Khairatul Akmar, Ahmad Redzaudin & Mohd Rofian, 2015).

4.3 Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran yang sesuai bermaksud kemahiran merancang dan mengurus kaedah dan teknik PdP untuk mencapai hasil yang optimum. Strategi pengajaran adalah sebagai penghubung antara kaedah dengan teknik yang membawa kepada berlakunya proses PdP (Mohamad Muhaimin, 2017). Ia boleh menjadi menarik dengan adanya interaksi dalam kelas. Justeru, terdapat tujuh asas yang perlu diberi perhatian oleh para pengajar bagi mencapai strategi pengajaran berkesan iaitu menggalakkan hubungan pelajar dengan pengajar, menggalakkan kerjasama antara pelajar, menggalakkan pembelajaran aktif, memberikan maklum balas yang cepat, menitikberatkan masa bertugas, komunikasi antara pelajar dengan pengajar, menghormati pelbagai bakat pelajar dan cara pembelajaran (Kamarul Azmi, Osmawadi & Mohd Faez, 2012). Penggunaan strategi yang berkesan memberi kesan positif terhadap pelajar, menjana pemikiran kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria serta menggalakkan penghayatan para pelajar terhadap ilmu (Ismail, 2018).

Berdasarkan temubual, terdapat lima aspek yang dikenal pasti menyentuh soal strategi pengajaran dan pembelajaran mantik yang diamalkan iaitu mengaitkan mantik dengan ilmu lain dan isu semasa, mengetengahkan contoh-contoh yang

relevan, menggunakan kaedah tradisional iaitu kuliah secara sehala dan perbincangan dalam tutorial serta memberikan latihan kepada para pelajar.

1. Mengaitkan mantik dengan ilmu lain dan isu semasa

Bagi memastikan para pelajar memahami peranan mantik, R1 dan R3 menggunakan strategi pengajaran yang mengetengahkan hubungan mantik dengan ilmu lain seperti akidah, fiqh dan isu-isu semasa. Kata mereka,

"kita kena masukkan juga pendekatan epistemologi dalam mantik, misalnya bagaimana perbincangan mantik tu digunakan dalam akidah" (TB/R3/2/1)

"kita kalau belajar qias tu kita boleh apply apa kondisi saja bukan hanya saja fiqh punya isu" (TB/R1/4/20)

Selain itu, bagi memastikan kursus mantik tetap dipandang sebagai relevan dengan zaman, R1 turut menggunakan pendekatan menggabungkan pendekatan mantik barat dan Islam. Menurutnya, "*first 2 to 3 weeks saya bagi bagaimana benda ni (mantik) akan bermanfaat (bagi) budak-budak usuluddin, dari segi fiqh, lepas itu contoh-contohnya kita pakai contoh-contoh yang barat*" (TB/R1/4/7)

Ini berkait juga dengan perancangan mengajar pensyarah seperti yang dinyatakan oleh R1 bahawa beliau lebih fokus kepada aplikasi mantik dalam isu-isu semasa atau kehidupan seharian berbanding pengenalan terhadap teori dan pensejarahan mantik itu sendiri. Manakala bagi R2, kefahaman pelajar tentang kaedah penggunaan mantik menjadi keutamaan dalam sesi pengajaran dan pembelajarannya. Beliau menjelaskan, "*dalam masa tujuh minggu memang dia mengajar kefahaman bukan kepada istilah*" (TB/R2/3/14).

Pendekatan ini menjadi tumpuan kerana fitrah ilmu mantik itu sendiri yang merupakan ilmu teori dan perlu kepada penerangan berkaitan hubungannya dengan ilmu lain bagi memastikan para pelajar memahami kegunaannya dalam dunia sebenar. Kemahiran berfikir secara kritikal ini termasuk dalam strategi pengajaran dan pembelajaran Abad ke-21 yang perlu diperkasakan dalam diri para pelajar supaya mereka berdaya tahan dalam berhadapan dengan isu-isu semasa. Kemahiran berfikir ini perlu digilap oleh para pengajar dengan mengemukakan soalan pada aras tinggi ketika berinteraksi dalam kelas di samping merancang untuk menggunakan kemahiran berfikir beraras tinggi sepanjang sesi pengajaran. Malah, kemahiran mengaitkan kursus dengan isu semasa atau kehidupan seharian termasuk dalam kemahiran penyelesaian masalah yang diperlukan oleh para pelajar hari ini (Ahmad et al., 2019).

2. Pengajaran berpusatkan guru melalui sesi kuliah

Umumnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai di universiti-universiti ini ialah berpusatkan pensyarah. Pensyarah bertanggungjawab mengajar dan menjelaskan kepada para pelajar tentang konsep asas mantik dan bagaimana ia digunakan. Justeru, peranan guru ini lebih banyak ditonjolkan dalam sesi kuliah. Menurut R2, "*Kalau kuliah, memang kuliah sahaja*" (TB/R2/10/32)

Pendekatan ini juga dikenali sebagai kaedah tradisional di mana pengajar memainkan peranan utama dalam menentukan dan mengawal segala aktiviti pengajaran yang berlangsung. Interaksi satu hala dengan pengajar mendominasi keseluruhan aktiviti PdP merupakan asas kepada kaedah ini. Pelajar pula tidak memainkan peranan aktif tetapi lebih bertindak mendengar dan menuruti pengajaran pengajar. Kaedah ini sesuai digunakan untuk pembelajaran peringkat asas sesuatu konsep serta didapati membantu para pelajar yang memerlukan banyak bimbingan daripada pengajar (Maria Chong, Samsilah & Tajul Arifin, 2011).

Strategi ini meletakkan guru sebagai pakar dalam mata pelajaran dan sumber utama ilmu pengetahuan (Mohamad Muhaimin, 2017). Walaupun begitu, pelajar perlu bijak mengambil langkah aktif dalam pembelajaran dengan menjadikan pensyarah sebagai fasilitator atau pembimbing supaya tidak terlalu bergantung kepada maklumat yang disampaikan oleh pensyarah semata-mata. Para pensyarah juga boleh merangsang kreativiti para pelajar dalam sesi kuliah mereka dengan kaedah mengemukakan persoalan di awal kuliah atau menggunakan contoh yang menjurus kepada perbincangan kuliah (Alias & Rahimin Affandi, 2010).

3. Mengetengahkan contoh yang relevan

Dalam setiap sesi pengajaran para pensyarah menggunakan contoh-contoh yang sesuai dan mudah difahami oleh para pelajar. R3 menyatakan, "*kalau nak bentuk ayat tu kita ambil daripada ulum quran, ulumul hadis, usul feqah*" (TB/R3/3/32). Pendekatan ini juga diamalkan oleh R1 dan R2. Kedua-duanya menjelaskan,

"kalau katakan harini orang bukan Islam nak pakai nama Allah jadi daripada sudut perbahasan tasawwurat kita boleh bahaskan boleh atau pun tidak berdasarkan pada konsep tasawwurat, kemudian daripada tasdiqat, tasdiqat ni tentang perkataan dan perkataan tu perlu disahkan betul atau pun salah" (TB/R2/7/29)

"contohnya maqasid syariah daripada ayat-ayat spesifik yang mengatakan bunuh itu salah jadi kita mendapatkan principle membunuh itu salah, itu kita aplikasi kepada spesifik adakah saya nak bunuh ni salah ke tidak" (TB/R1/3/11)

Para pensyarah didapati mengaplikasikan kemahiran kreatif dan inovasi dalam menjalankan pengajaran mantik. Kemahiran ini mendorong pelajar untuk berfikir terbuka dalam menilai sesuatu. Kreativiti para pensyarah juga mampu menarik minat pelajar, memotivasikan mereka seterusnya mendorong kepada perubahan tingkah laku (Norjietta Julita, 2018). Pendekatan ini juga boleh diambil kira sebagai inovasi kerana terdapat elemen adaptasi di mana para pensyarah mengadaptasi isu kaedah mantik dalam menjelaskan contoh-contoh daripada pelbagai bidang ilmu dan juga termasuk isu semasa. Isu inovasi dalam pengajaran tidak hanya terhad kepada bahan bantu mengajar atau ICT sahaja tetapi turut meliputi teknik pengajaran yang digunakan (Wan Abdullah et al., 2020)

4. Interaksi dua hala melalui latihan dalam sesi tutorial

Interaksi dalam kelas boleh berlaku melalui interaksi antara guru dengan pelajar, interaksi antara pelajar dengan pelajar, keadaan apabila pelajar menjawab soalan yang diberikan secara bertulis dan ketika pelajar membentangkan kajian atau tugas mereka (Kamarul Azmi, Osmawadi & Mohd Faez, 2012). Bagi pengajaran mantik di universiti, sesi tutorial tertumpu kepada perbincangan sama ada dengan guru ataupun sesama rakan-rakan. R2 menyatakan, "*kalau kelas tutorial memang pelajar akan ada interaksi dua hala*" (TB/R2/10/32)

Pendekatan ini juga digunakan oleh R1 melalui kenyataannya, *itu diskusi lah*" (TB/R1/10/27). Sesi perbincangan ini dilakukan dengan adanya latihan bagi setiap bab yang disediakan oleh para pensyarah. Perkara ini dinyatakan oleh R1 dan R2,

"Kita buat exercise latihan assignment so all the chapter each chapter we do exercise" (TB/R1/10/37)

"latih tutorial lepas sahaja kita belajar satu tajuk memang akan buat terus latihan" (TB/R2/7/16)

Kaedah begini dipraktikkan bagi tujuan memastikan para pelajar mampu mengaplikasikan mantik dalam kehidupan seharian. Latihan secara praktikal membolehkan para pelajar membuktikan bagaimanakah satu-satu kesimpulan dicapai. R1 menyatakan, "*Kita belajar qias, silogisme tu, so the practical application macam mana guna untuk dapat result dia,*" (TB/R1/3/31). Kaedah *al-qiyas* merupakan tajuk paling penting dalam pendalilan mantik. Menurut ulama Kalam, *al-qiyas* merupakan hujah kebenaran melalui pendalilan tidak langsung yang boleh menghasilkan kesimpulan. Kesimpulan ini dihasilkan berdasarkan penerimaan kepada dua proposisi (*qadiyyah*) dan satu *al-hadd*. Kaedah ini telah digunakan oleh ulama Kalam untuk mempertahankan akidah Islam daripada serangan aliran menyeleweng seperti Muktaizilah, Syiah dan seumpamanya (Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi & Mohd Faizul, 2018).

Sehubungan itu, pemahaman pelajar berkenaan konsep mantik seperti tasawwur dan tasdiq juga berperanan dalam menunjukkan aplikasi mantik dalam situasi harian. Kata R2, "*kalau orang faham dua konsep (iaitu) tasawwur dan tasdiq dia faham apa tujuan dia, dia faham apa maksudnya, dia akan nampak apa kaitannya dengan segala ilmu*" (TB/R2/12/1). Tasawwur bermaksud perbincangan berkaitan konsep. Dalam mantik, sesuatu konsep boleh dibina melalui lima kaedah iaitu *dilalah*, *alfaz*, *kulliyat al-khams*, *ta'rif* dan *nisbah*. Kemahiran memahami dan memanfaatkan *tasawwur* dan *tasdiq* akan memastikan setiap penyelidikan Islam berada dalam tasawwur Islam (Shahir Akram, 2013).

Bagi memastikan pelajar merasai pengalaman mengaplikasikan kaedah-kaedah mantik, mereka perlu diberikan tugas dalam bentuk latihan yang dibentangkan dalam sesi tutorial. Dapatan kajian atau jawapan tugas mereka akan dibincangkan secara bersama oleh pensyarah dan rakan-rakan yang lain. Melalui tugas berkumpulan sebegini para pelajar boleh membangunkan kemahiran komunikasi mereka dalam menggabungkan antara pelbagai disiplin ilmu ketika menyiapkan tugas yang diberikan. Melalui pembentangan juga, kemahiran komunikasi para pelajar dapat dinilai dan ditambah baik dari masa ke masa (Ahmad et al., 2019).

4.4 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar merupakan aspek penting dalam menggalakkan pembelajaran berpusatkan pelajar. Penggunaan bahan bantu mengajar membantu dari segi menyalurkan pelbagai maklumat kepada pelajar. Keberkesannya dalam meningkatkan kefahaman dan menyumbang kepada kecemerlangan akademik telah dibuktikan dalam kajian-kajian lalu (Charles & Ying-Leh, 2020). Bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kefahaman pelajar, penggunaan bahan bantu mengajar turut diambil berat oleh para pensyarah. Bahan bantu yang digunakan adalah berupa jadual mantik dan buku rujukan tambahan.

Antara inisiatif yang digunakan oleh R2 untuk membantu pelajar dalam memahami kursus mantik ialah dengan penggunaan jadual atau gambar rajah yang mengandungi konsep-konsep penting dalam mantik. Kata beliau, "*kita bagi jadual ni pelajar akan dapat konsep mantik keseluruhan*" (TB/R2/6/12)

Idea menggunakan jadual sebagai bahan bantu mengajar ini diinspirasikan daripada pensyarah yang mengajar kursus ini sebelum beliau. Jadual asal yang terdiri daripada dua halaman telah ditambah baik dengan menjadikannya sehelai sahaja. R2 menceritakan, "*asalnya dua helai, maka saya cuba ambil jadual dia tu dan saya buat lain lah. Saya buat lain dan saya jadikan sebagai satu muka sahaja*" (TB/R2/5/2)

Manakala, R1 pula menggunakan buku-buku rujukan mantik penulisan ulama Islam sebagai bahan bacaan tambahan pelajarannya. Kata R1, "*bacaan sendiri banyak lah boleh, ada yang islamik punya but it's use mostly as a background*"

(TB/R1/6/19). Penggunaan buku teks atau buku tambahan sebagai bahan bantu mengajar bukan perkara asing dalam dunia pengajaran. Ini kerana penyediaan bahan bantu mengajar lain melibatkan masa dan kos yang merupakan kekangan bagi para pensyarah (Sapie et al., 2014). Sedangkan pada zaman ini, terdapat banyak sumber mudah yang boleh dijadikan bahan bantu mengajar seperti laman web, telefon pintar dan media sosial. Tambahan pula, penggunaan telefon pintar dan internet sudah menjadi keperluan setiap masyarakat. Kajian Norul 'Azmi dan Zakaria (2022) menegaskan bahawa kemudahan seumpama ini perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh sistem pendidikan hari ini. Pengajaran dan pembelajaran tidak lagi terhad kepada apa yang boleh ditunjukkan secara fizikal sahaja tetapi sewajarnya meliputi dunia atas talian yang tiada sempadan. Para pengajar yang mampu memanfaatkan teknologi untuk pendidikan membantu dalam meningkatkan produktiviti sistem pendidikan khususnya di negara ini. Meskipun pengajaran dan pembelajaran maya ini mempunyai cabarannya yang tersendiri, para pensyarah dan pelajar perlu berani untuk menambahkan ilmu berkenaan kemahiran komunikasi dan aplikasi teknologi supaya interaksi antara pengajar dan pelajar tidak terhad sekadar dalam sesi bersemuka tetapi juga bersedia menerima input daripada ruang lain (Norul 'Azmi & Zakaria, 2022). Selain itu, kualiti maklum balas yang disampaikan kepada pelajar dan penggunaan bahan bantu mengajar yang mencukupi serta berada dalam keadaan baik perlu diperhatikan agar pembelajaran yang berkesan dapat diwujudkan (Charles & Ying-Leh, 2020).

4.5 Maklum Balas Pelajar

Oleh kerana pengajaran dan pembelajaran melibatkan dua pihak, maka maklum balas daripada para pelajar juga penting. Para pensyarah boleh menambah baik kaedah yang digunakan berdasarkan respons para pelajar. Antara yang dilakukan R2 ialah mendapatkan pandangan pelajar melalui soal selidik (TB/R2/13/5). Menurutnya, "*secara mudah ke dalam lima soalan, nak tengok apa yang ataupun masalah yang dihadapi*" (TB/R2/16/6). Berdasarkan soal selidik ini, R2 mendapat maklum balas yang baik daripada para pelajarnya berkenaan ilmu mantik dan kaedah pengajarannya. R2 menyatakan, "*setakat ni ok lah daripada segi kefahaman atau pun apa yang dia dapat daripada subjek ni*" (TB/R2/13/8)

Manakala, kaedah yang digunakan oleh R1 adalah melalui maklum balas pelajar ketika sesi latihan dan juga melalui pengakuan daripada pelajar sendiri. Sebagai kursus yang sukar difahami, R1 beranggapan bahawa rasa seronok dalam diri pelajar untuk mempelajari mantik merupakan satu bentuk maklum balas yang baik. Kata R1, *Students good actually, I'm surprised. Subjek ni bukan senang kena dedikasi kuat, dia kena buat exercise banyak*" (TB/R1/6/1)

Berdasarkan maklum balas yang diterima, para pelajar didapati meminati subjek ini di samping mereka menerima baik kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah. Antara sebab kursus ini diminati pelajar kerana mereka boleh menghubungkan antara satu perkara dengan perkara lain menggunakan kemahiran mantik yang dipelajari. R1 menjelaskan, "*students suka bila ada sebab musabab tu dia nampak macam mana mantik boleh translatekan walaupun diaorang ni bukan dari matematik punya background tapi budak usuluddin ni lebih kreatif*" (TB/R1/7/10).

Selain itu, para pelajar juga didapati berkongsi ilmu mereka dengan rakan-rakan yang tidak mempelajari kursus ini. Menurut R1, "*pelajar tunjuk kat kawan-kawan dia, dia belajar benda yang orang lain tak belajar. Dia jadi minat pula, saya pun hairan dia orang tunjuk kat budak-budak fiqh, dia tahu macam mana nak buat qiyas*" (TB/R1/8/17). Hubungan baik dan kerap antara pensyarah dan para pelajar sama ada di dalam mahupun luar kelas merupakan aspek utama untuk melihat keberkesanan strategi pengajaran yang digunakan. Faktor hubungan ini

menyebabkan para pelajar kekal bermotivasi dan melibatkan diri dalam pembelajaran walaupun tugas-tugas itu sukar (Kamarul Azmi, Osmawadi & Mohd Faez, 2012). Maklum balas dianggap berkesan sekiranya ia dapat membantu pelajar mengenal pasti kekurangan, salah tanggapan dan membentuk semula pengetahuan mereka. Maklum balas juga membantu pelajar menentukan jangkaan pencapaian, mengenalpasti apa yang mereka pelajari dan apa yang mampu mereka lakukan serta memantau perkembangan pembelajaran mereka secara peribadi serta menyokong ke arah matlamat yang hendak mereka capai (Ramlah, Zaidatun & Noraffandy, 2007).

4.6 Kaedah Penilaian

Kaedah penilaian juga termasuk dalam maklum balas yang diperlukan oleh para pensyarah untuk memandu para pelajar agar tidak tersasar daripada objektif dan hasil pembelajaran (Kamarul Azmi, Osmawadi & Mohd Faez, 2012). Berdasarkan temubual, peserta kajian menyatakan bahawa bentuk penilaian pelajar bagi kursus ini ialah kuiz, tugas dan peperiksaan akhir. Menurut R1, kuiz merupakan kaedah penilaian yang paling kerap digunakan. Malah, beliau memberikan kuiz selepas setiap bab kuliah diajarkan kepada pelajar. Katanya, "*Tiap-tiap topik yang kita buat, kita buat kuiz*" (TB/R1/4/28).

R1 berpandangan bagi kursus mantik, kuiz merupakan bentuk penilaian terbaik kerana kursus ini melibatkan penilaian kebenaran tentang sesuatu perkara. Maka, ia tidak perlu kepada jawapan dan huraian panjang tetapi memadai dengan pelajar dapat memberi justifikasi terhadap keputusannya. Kata R1, "*Sebab dia praktikal, dia bukan essay jadi jawapan dia betul atau salah*" (TB/R1/4/30).

Tugas juga diberikan kepada para pelajar di universiti A sebagai penilaian. Tugas ini perlu dibentangkan dalam kumpulan untuk dibincangkan dengan rakan-rakan sekelas. R1 menjelaskan, "*pelajar yang buat assignment, present in group*" (TB/R1/8/32). Bagi R2, beliau menggunakan tugas dan peperiksaan akhir sebagai penilaian pelajar. Menurut R2, "*sekurang-kurangnya ada dua tugas, tugas kumpulan dan juga tugas individu atau pun tugas dan juga peperiksaan*" (TB/R2/10/3).

Antara bentuk tugas yang diberikan oleh R2 ialah pelajar dikehendaki untuk mendapatkan kenyataan umum yang difikirkan bercanggah dengan prinsip mantik seterusnya mengemukakan hujah atau maklum balas berdasarkan perkaedahan mantik. Jelas R2,

"cari mana kenyataan yang tak logik dengan kaedah mantik yang ada, pergi komen dekat media sosial tersebut sikit, ambil screenshot dia punya kenyataan pertama, yang kedua screenshot jawapan yang awak cuba tegur kat situ (supaya) ada amar makruf nahi mungkar, kemudian jawab secara lanjut dalam assignment" (TB/R2/10/10)

Selain itu, tugas yang berbentuk menilai kefahaman pelajar lebih banyak diberikan kepada mereka. R2 menyatakan, "*tugas lain lebih kepada memahami mantik*" (TB/R2/10/21). Tugas berkumpulan yang diberikan kepada para pelajar ini merupakan sebahagian daripada kaedah pembelajaran kolaboratif. Di samping pelajar digalakkan untuk bekerjasama dalam kumpulan, kemahiran tanggungjawab mereka juga dapat dibangunkan melalui interaksi sesama mereka, idea-idea dapat dikembangkan serta kefahaman mereka terhadap kursus dapat dikuatkan. Pembelajaran kolaboratif sebegini juga memberi ruang kepada pelajar untuk memperoleh nilai-nilai seperti pendekatan inkuiri, bagaimana menentukan atau menolak pernyataan dan memahami bahawa sesuatu soalan itu tidak hanya ada satu jawapan sahaja (Kamarul Azmi, Osmawadi & Mohd Faez, 2012). Berdasarkan

bentuk tugas yang dijelaskan oleh peserta kajian, didapati kesemuanya menggunakan tugas berbentuk penyelesaian masalah. Kemahiran menyelesaikan masalah dengan dibantu oleh penggunaan teknologi maklumat merupakan pendekatan yang baik dan semasa diaplikasikan oleh para pengajar kursus mantik (Ahmad et al., 2019).

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa para pensyarah mantik mempunyai hasrat dan objektif pengajaran yang sama iaitu menekankan penggunaan mantik dalam situasi semasa kepada para pelajar. Meskipun kursus ini dianggap sukar kerana banyak melibatkan teori, tetapi usaha untuk menyediakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang baik kepada para pelajar telah dilakukan mengikut kreativiti dan keupayaan para pensyarah sendiri. Kunci kepada kejayaan sebuah sesi pengajaran ialah adanya komunikasi dan interaksi antara pensyarah dengan pelajar dan sesama pelajar sendiri. Pendekatan ini dilihat menjadi tumpuan para pensyarah dalam sesi pengajaran. Tidak dinafikan juga kepelbagaian tahap penerimaan pelajar terhadap maklumat yang cuba disampaikan boleh mempengaruhi tahap penguasaan pelajar terhadap kursus ini. Justeru, kajian ini mencadangkan agar kaedah pengajaran mantik di universiti ditambah baik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi supaya para pelajar lebih mempunyai kemahiran sosial yang tinggi, komunikasi yang berkesan dan gaya berfikir yang kritis dan inovatif. Tambahan pula, ilmu mantik itu sendiri berasaskan kepada kaedah berfikir yang benar. Jika ia dikuasai dan dimanfaatkan dengan baik, para pelajar mampu untuk mencerpah maklumat kemudian memprosesnya dalam minda dan mengeluarkannya semula dalam apa jua situasi yang dihadapi.

6.0 PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) dengan Kod Projek KUIS/PB/2020/GPIK/GPI/002.

7.0 RUJUKAN

- Ahmad, N. L., Sho, S. L., Ab Wahid, H., & Yusof, R. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 37-51.
- Al-Akhdari, Al-Sadr bin Abd al-Rahman. (2000). *al-Sullam fi 'Ilm al-Mantiq*. Tahqiq: Umar Faruq. Maktabah al-Ma'arif.
- Alias Azhar & Rahimin Affandi. (2010). Aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian Syariah, *Jurnal Fiqh*, 7, 1-28.
- Badlihiyam Mohd Nasir & Rahimin Affandi Abd. Rahim. (T.th). Pengajian Islam di peringkat rendah, menengah, pondok dan IPT: Isu, cabaran dan penyelesaian.
https://www.academia.edu/24056622/PENGAJIAN_ISLAM_DI_PERINGKAT_REND AH_MENENGAH_PONDOK_DAN_IPT_ISU_CABARAN_DAN_PNYEUSAIAN
- Charles Muling Libau & Ying-Leh Ying. (2020). Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. Kertas kerja. National Research Innovation Conference (NRICon 2020), 20-21 Oktober.

- Faisol Haji-Awang. 2011. Penggunaan hukum akal dan mantik dalam perbahasan akidah tauhid: Kajian kitab al-Durr al-Thamin oleh Syekh Daud Al-Fatani. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah]. Universiti Sains Malaysia
- Ishak Abd. Aziz. 2012. Mantiq / Logika sebagai muqaddimah ilmu (Kajian terhadap pemikiran al Ghazali). *Jurnal Al-Hurriyyah: Jurnal Hukum Islam* 3, 79-100.
- Ismail, A. (2018). Strategi pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Besut, Terengganu. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10(2), 11-21.
- J. Katz. 2001. Analytic Induction. *International Encyclopedia of the Social and Behavioral Sciences*, 480-484. <https://doi.org/10.1016/B0-08-043076-7/00774-9>.
- Kamarudin Salleh. (2000). Ilmu mantik dan pengaplikasiannya: Kajian kes di Pahang. Bilik Seminar Siswazah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 6 September, Bangi.
- Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip, Mohd Faez Ilias. (2012). Strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berpusatkan pelajar. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, 33-40.
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali & Mohd Rofian Ismail. (2015). Pandangan pensyarah mengenai pengaruh matlamat kurikulum pembelajaran terhadap penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar PSMBA di IPTA Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam* 8 (3), 130-146.
- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan, Tajularipin Sulaiman. (2011). Strategi pengajaran pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Educational Dean's Council Journal*, 8, 101-115.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir dan Fadlan Mohd Othman. (2013). Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam menangani Islam Liberal. *Jurnal Hadhari* 5 (1), 37 – 53.
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki. (2017). Analisis Pengaplikasian Amalan qalbu dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal 'Ulwan* 1, 19-24.
- Mohd Fauzi bin Hamat. (1996). Pengaruh mantik terhadap pemikiran Islam. [Disertasi sarjana]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi bin Hamat. (2000a). Mantik Aristotle dalam karya ulama: Satu analisis terhadap beberapa bahan penulisan al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (M. 606 H. / 1209 M.). *Jurnal Usuluddin* 1-12.
- Mohd Fauzi bin Hamat. (2000b). Penghasilan karya sintesis antara mantik dan usul al-fiqh: Rujukan kepada kitab al-Mustasfa min Ilm al-Usul, karangan al-Imam al-Ghazzali (M.505H. /1111M.). *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 1, 123-138.
- Mohd Fauzi bin Hamat. (2002). Kedudukan mantik sebagai mukaddimah ilmu: Satu analisis pandangan al-Imam al-Ghazzali. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 3, 33-56.
- Mohd Fauzi bin Hamat. (2006). Pengajian Akidah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia: Analisis Terhadap Silibus Pengajian di UM dan UKM. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 7, 157-196
- Muhammad Nuruddin. (2019). Ilmu Mantik. Jawa Barat: Keira Publishing.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2019). Pendalilan mantik al-Ash'ari dalam akidah ketuhanan. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. (2020). Kedudukan ilmu mantik dalam pemikiran Islam. *Jurnal Afkar* 22, 1-42.
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Fauzi Hamat & Mohd Faizul Azmi. (2018). Konsep al-Qiyas al-Usuli dan al-Qiyas al-Mantiqi dalam pendalilan akidah. *Al-Afkar* 20(2), 53-92.

- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Faizul Azmi, Razali Musa dan Mohd Hasrul Shuhari. (2018). Tahap kefahaman dan pengamalan ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18, 185-194.
- Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir. (2017). Peranan IPTA dan IPTS dalam menerapkan pendidikan al-Quran di dalam kurikulum sebagai kursus teras bagi semua pelajar Islam di Malaysia: Kajian awal di beberapa buah IPT di Malaysia. *Proceedings 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)*. 1129-1143.
- Norjietta Julita Taisin. (2018). Keberkesanan teknik pengajaran dan Pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun sekolah rendah. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*, 363-376.
- Norul 'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2022). Arabic teaching and learning strategies through SMALL: challenges and importance during COVID-19. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 6(1), 1-14.
- R1. (2021). Temubual pada 30 April 2021 secara atas talian.
- R2. (2021). Temubual pada 6 April 2021 secara atas talian.
- R3. (2021). Temubual pada 14 April 2021 secara atas talian.
- Ramlah Mailok, Zaidatun Tasir & Noraffandy Yahya. (2007). Pembentukan Kerangka Maklum Balas Mengikut Kesesuaian Pelajar. [Kertas kerja seminar]. *International Malaysian Educational Technology Convention, Johor Bahru*.
- Ruslimi Zakaria, Mohd Sani Ismail & Rosdi Zakaria. (2019). Kepentingan penerapan pengetahuan pedagogi kandungan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Proceeding the 1st International Language, Culture and Education Conference 2019*. 172-177.
- Ruzman Md Noor, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Muhammad Kamil Abd Majid, Abdul Karim Ali, Nor Adina Abdul Kadir, Syed Mohd Jeffri bin Syed Jaafar & Norhidayah Yusoff. (2014). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Kemanusiaan* 22, 1-20.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasirudin & Rekkeman Kusut. (2014). Tahap pelaksanaan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam latihan mengajar menurut persepsi guru-guru pelatih Fakulti Pendidikan Kuis: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pendidikan* 1(2), 88-97.
- Shahir Akram Hassan. (2013). Aplikasi kaedah tasawwur ilmu mantik (tasawwur al-mantiqi) dalam penyelidikan Islam. Kertas kerja. *The 7th ISDEV Development Management Conference (IDMAC 2013)*, 9-10 Disember.
- Shahir Akram Hassan & Mohd Syahmir Alias. (2017). Strategi penyelidikan Islam berdasarkan kaedah penaakulan dalam ilmu mantik. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 2, 19-25.
- Siti Fadzilah Abdullah Zawawi & Nazneen Ismail. (2021). Tahap pengetahuan dan kefahaman ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia KUIS. Dlm. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Nazneen Ismail, Nur Uswah Ahmad Fauzi & Siti Nurbalqis Baharuddin (pnyt.). *Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin Siri II*, 10-20. Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS.
- Syed Salim Syed Shamsuddin, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz, Mohd Faisal Mohamed. (2018). Metodologi penulisan kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah oleh Tuan Guru Haji Abdul Qadir bin Wangah (Ayah Dir Sekam): Analisis integrasi ilmu usul fiqh, usuluddin dan mantik. E-

- Prosiding Persidangan Antarabangsa Tamadun, Etnik & Turath Islami (i-STET) 2018, hlm. 38-50. Nilai: Pusat Pengajian Teras USIM.
- USAID. (1996). Conducting key informant interviews. Performance Monitoring and Evaluation Tips Number 2. Retrieved from https://www.dmeforpeace.org/wp-content/uploads/2017/06/USAID_TIPS-ConductingKeyInformantInterviews.pdf [22 April 2021].
- Wan Abdullah, W. A. A., Abdul Razak, K., Hamzah, M. I., & Mohd Zhaffar, N. (2020). Konsep inovasi menurut pandangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 13–21. Retrieved from <https://attarbawiy.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/24>
- Wan Nabilah Md Nor. (2015). Persepsi terhadap kepentingan ilmu mantik dalam kalangan pelajar Usuluddin Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Latihan ilmiah. Akademi Islam KUIS.
- Yusni Bin Mohamad Yusak dan Zainab Hanina Abdull Samad. (2013). Halatuju kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia: Satu tinjauan awal. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013), 166-172.